

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT – PAS]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 16

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelarian Rohingya yang diterima oleh Malaysia dan di mana mereka ditempatkan setakat ini dan apakah usaha Kerajaan dalam membantu kehidupan mereka di Malaysia.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan statistik pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur, **sehingga 30 September 2017**, terdapat seramai **62,153 orang pemegang kad UNHCR** etnik Rohingya, Myanmar di Semenanjung Malaysia.

Daripada jumlah ini, seramai **53,811 orang adalah "pelarian"**, dan seramai **11,476 orang merupakan pemohon suaka**.

Untuk makluman, Kerajaan tidak menempatkan etnik Rohingya, Myanmar di mana-mana penempatan di dalam negara. Namun, setelah mendapat kad UNHCR, mereka bebas bergerak ke mana-mana tempat di Semenanjung Malaysia.

Rekod UNHCR **sehingga bulan Februari 2017** menunjukkan anggaran taburan etnik Rohingya, Myanmar di seluruh negara seperti berikut:

1.	Selangor	- 13,135 orang
2.	Pulau Pinang	- 10,380 orang
3.	Kedah	- 6,633 orang
4.	Johor	- 6,227 orang
5.	W.P. Kuala Lumpur	- 4,694 orang
6.	Terengganu	- 3,039 orang
7.	Kelantan	- 2,369 orang
8.	Pahang	- 1,952 orang
9.	Perak	- 1,056 orang
10.	Negeri Sembilan	- 905 orang

- 19
- | | |
|---------------|-------------|
| 11. Melaka | - 857 orang |
| 12. Perlis | - 156 orang |
| 13. Putrajaya | - 133 orang |

Sehingga kini, Kerajaan Malaysia masih mengekalkan dasar terhadap “pelarian” dengan tidak dinafikan kebebasan bergerak untuk pemegang kad UNHCR dan tidak ditahan melainkan jika mereka terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara serta tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ‘*non-refoulement*’ melainkan secara sukarela (*voluntary return*).

Kemudahan juga diberikan kepada mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma dan anak-anak “pelarian” ini juga tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 2 Mac 2016 juga telah memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri melaksanakan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya.

Projek Perintis ini menyasarkan hanya 300 orang kumpulan kecil etnik Rohingya yang bekerja di bawah sektor perladangan dan perkilangan sahaja bagi tempoh tiga (3) tahun. Projek ini dilihat memberi ruang kepada golongan pemegang kad UNHCR untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
TARIKH : 6.11.2017
SOALAN : NO. 17

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah penambahbaikan yang dilakukan oleh Kementerian dalam sistem Pendidikan Vokasional dan Latihan (TVET) bagi mewujudkan lebih ramai graduan berkualiti dalam bidang vokasional yang mampu berdaya saing dalam pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lonjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) memberi tumpuan kepada penghasilan graduan TVET yang berkualiti. Bagi mencapai hasrat tersebut, strategi utama yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah:

- (i) **memantapkan kurikulum yang dipacu industri** melalui kolaborasi dengan pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan pihak perbadanan dalam pengajaran dan pembelajaran TVET serta pelaksanaan pembelajaran berasaskan pekerjaan (*Work-Based Learning*).
- (ii) **menghasilkan struktur tadbir urus yang bersepadu dan terselaras** melalui pasukan kerja TVET peringkat Kementerian,

21

dan peningkatan bilangan tenaga pengajar dan pelajar yang mempunyai pensijilan industri atau profesional;

- (iii) **menjajarkan kelayakan TVET** melalui pelaksanaan kerangka kelayakan TVET peringkat nasional, pemantapan laluan pembelajaran yang fleksibel dan menanda aras program dan institusi TVET peringkat serantau; dan
- (iv) **menjenamakan semula TVET** melalui pengenalan program berteknologi dan bernilai tinggi selaras dengan Revolusi Industri 4.0, pengukuhan reputasi program TVET di peringkat antarabangsa dan mobiliti pelajar dan kakitangan dengan institusi TVET luar negara.

KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) turut bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dalam membangunkan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang merangkumi pembangunan Standard TVET dan pemurnian proses akreditasi MQA dan JPK. Sistem ini akan memberi impak positif kepada pihak berkepentingan iaitu tenaga pengajar, pelajar dan industri berkaitan TVET dalam mengoptimumkan sumber sediaada.